

Memartabatkan Pendidikan Vokasional: Kesedaran Terhadap Peluang Melanjutkan Pengajian ke ILV dalam Kalangan Pelajar SMV di Negeri Johor

¹Noorazman, ²Razali Hassan, & ³Daziemah Daud

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

noorazman@uthm.edu.my, razalih@uthm.edu.my & desidaria_dazda@yahoo.com

Abstrak: Di Malaysia, pelbagai Institut Latihan Vokasional (ILV) telah dibangunkan untuk memberi peluang kepada pelajar terutamanya pelajar jurusan vokasional agar mereka dapat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Namun begitu, enrolmen pelajar ke ILV didapati kurang memuaskan. Justeru itu, kajian tentang tahap kesedaran dalam kalangan pelajar di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV perlu diketahui. Seramai 329 orang pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional dan 202 orang pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran di tiga buah sekolah menengah vokasional iaitu di Batu Pahat, Muar dan Kluang dipilih secara rawak memberikan respon dalam kajian ini. Set Soal selidik yang diadaptasi dari kajian lepas telah digunakan sebagai instrumen kajian. Analisis deskriptif dan inferensi telah dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistic Package of Social Science (SPSS)* versi 16.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan tentang tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV di mana H_{noll} ditolak. Didapati pelajar tingkatan 4 aliran vokasional mempunyai pandangan yang positif terhadap masa depan mereka untuk menyambung pelajaran di ILV atau mana-mana pusat pengajian tinggi manakala pelajar dari aliran kemahiran melihat peluang mereka melanjutkan pelajaran adalah sangat tipis dan mengambil keputusan untuk menceburi bidang pekerjaan selepas tamat latihan. Peranan kaunselor dan ibubapa merupakan faktor penting dalam menentukan kerjaya pelajar disamping kemampuan pelajar dari aspek sosioekonomi mereka. Tanpa pendedahan maklumat dan promosi yang berkesan dari pihak ILV agak sukar bagi pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam memilih laluan kerjaya mereka.

Katakunci: Faktor dominan, Institut Latihan Vokasional, Kesedaran, Peluang

1.0 Pengenalan

Tranformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional membolehkan ILV dinaiktaraf sebagai platform alternatif utama bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang teknikal (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Institusi-institusi latihan vokasional ini terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Teknologi Malaysia-Jepun (JMTI), Kolej Pertanian Malaysia, Politeknik dan Kolej Komuniti dan lain – lain lagi (Zuraidah, 2008). Kekurangan enrolmen pelajar ke ILV tidak begitu menggalakkan walaupun di kalangan pelajar yang sedia ada dalam sistem PTV. Pendidikan dan kerjaya adalah dua perkara yang sangat sinonim. Namun begitu, kesedaran tentang peluang

melanjutkan pengajian di ILV seringkali dipandang remeh terutamanya bagi pelajar sekolah menengah dalam aliran vokasional. Ini disebabkan kepuasan mendapatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sudah memadai dengan bekalan kemahiran yang diperolehi di sekolah. Keadaan ini semakin membimbangkan dari masa ke semasa. Aminah (2007) mendapati terdapat ramai pelajar yang hanya mengikuti bidang vokasional peringkat rendah sahaja dan tidak meneruskan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi.

2.0 Pernyataan Masalah

Menurut laporan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD), didapati kadar purata enrolmen pelajar yang memasuki aliran vokasional di peringkat tinggi bagi negara OECD adalah 44%, berbanding hanya 10% di Malaysia. Pada masa yang sama juga, dianggarkan seramai 100,000 atau 22% pelajar Malaysia memasuki pasaran pekerjaan sebaik sahaja menamatkan 11 tahun persekolahan, iaitu dengan hanya memiliki kelayakan SPM. Namun begitu, melalui RMK 10, Pendidikan Teknikal dan Vokasional telah diperkasakan bagi menyediakan landasan alternatif kepada pelajar-pelajar ini untuk merealisasikan potensi mereka. Di samping itu, dalam projek agenda kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), ILV telah dinaiktaraf bagi menyediakan laluan yang lebih mudah khususnya bagi pelajar-pelajar vokasional lepasan yang mempunyai pencapaian akademik yang kurang memuaskan. Meskipun pelbagai alternatif telah dilakukan oleh kerajaan bagi membantu pelajar-pelajar ini, namun peratusan enrolmen ke ILV ini masih rendah terutamanya bagi pelajar aliran kemahiran untuk meneruskan pengajian. Kesedaran mengenai peluang melanjutkan pengajian ke ILV memainkan peranan yang penting bagi menarik perhatian dan minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu, kajian ini dibuat bagi mengetahui perbezaan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional dengan aliran kemahiran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV, dan mencari faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap peluang untuk melanjutkan pengajian ke ILV dan hubungan antara faktor dominan.

2.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif berikut :

- 2.1.1 Menentukan tahap kesedaran pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional.
- 2.1.2 Menentukan tahap kesedaran pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional.
- 2.1.3 Mengenal pasti faktor dominan yang dapat mempengaruhi tahap kesedaran dalam kalangan pelajar di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV sama ada minat, pencapaian akademik, peranan kaunselor mahupun keadaan sosioekonomi keluarga.
- 2.1.4 Mengenalpasti hubungan antara tahap kesedaran dan faktor dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV dalam kalangan pelajar di SMV.
- 2.1.5 Mengenal pasti perbezaan tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV antara pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional dan pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran di SMV.

2.2 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, diharapkan akan memberi kepentingan dan sumbangan kepada semua pihak terutamanya pihak-pihak berikut:

- a. *Pihak Sekolah*
Dapatan kajian ini boleh membantu sekolah menengah vokasional untuk mempertingkatkan kesedaran pelajar untuk melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional
- b. *Institusi latihan vokasional*
Dapatan kajian dapat membantu pihak-pihak yang terlibat untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran yang dapat menarik minat dan perhatian pelajar. Di samping itu, pihak institusi juga boleh memperbaiki dari segi kualiti pendedahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar.

2.3 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif kajian melalui persoalan yang telah dibentuk. Kajian ini melibatkan pelajar aliran vokasional dan pelajar aliran kemahiran di SMV sebagai responden kajian. Antara aspek yang dikaji ialah tahap kesedaran pelajar-pelajar ini mengenai peluang melanjutkan pengajian ke ILV dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran mereka.

2.4 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan empat aliran vokasional dan kemahiran di tiga buah Sekolah Menengah Vokasional sahaja iaitu Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, Sekolah Menengah Vokasional Muar dan Sekolah Menengah Kluang. Responden terdiri daripada pelajar tingkatan empat kerana tahap kematangan mereka lebih rendah berbanding pelajar tingkatan lima. Mereka seringkali beranggapan bahawa mereka tidak perlu memikirkan masa depan kerana terlalu awal bagi mereka. Namun begitu, mereka mula didedahkan dengan pelbagai pilihan dalam menentukan masa depan dan boleh membuat pilihan yang lebih bijak mengenai langkah yang sepatutnya dilakukan oleh mereka dari awal sama ada untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau sebaliknya.

3.0 Metodologi

3.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini melibatkan pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional dan kemahiran di tujuh buah sekolah menengah vokasional di seluruh negeri Johor. Jadual Krejcie dan Morgan

dirujuk jumlah populasi pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional iaitu seramai 1619, sampel adalah sekurang-kurangnya seramai 310 orang. Manakala bagi jumlah populasi pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran iaitu seramai 458 orang, sampel adalah sekurang-kurangnya seramai 210 orang. Justeru itu, responden dari tiga buah sekolah telah diambil iaitu daripada Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, Sekolah Menengah Vokasional Kluang dan Sekolah Menengah Vokasional Muar. Justeru itu seramai 329 orang pelajar Tingkatan 4 bagi aliran vokasional dan 202 orang pelajar Tingkatan 4 bagi aliran kemahiran telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Pensampelan rawak mudah dipilih bagi memastikan data dari tiap-tiap individu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih (Mohd Majid Konting, 2005).

3.2 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, instrumen yang dipilih untuk digunakan iaitu soal selidik. borang soal selidik turut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, Bahagian A, B, dan C. **Bahagian A** adalah bahagian demografi dimana soalan dalam bahagian ini mengumpul maklumat responden dari aspek jantina, umur, bangsa dan aliran persekolahan. Manakala **Bahagian B** pula merupakan soalan-soalan yang menjawab kepada persoalan kajian yang pertama dan kedua. Bahagian ini mengandungi soalan yang berkaitan dengan tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV dalam kalangan pelajar SMV.

3.2.1 Bahagian C adalah soalan-soalan untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV dalam kalangan pelajar SMV. Bahagian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama sebagai indikator kepada faktor-faktor yang mempengaruhi iaitu minat, pencapaian akademik, keadaan sosioekonomi keluarga dan pendedahan oleh kaunselor.

3.2.2 Bahagian B dan C, kaedah yang digunakan pada bahagian ini menggunakan skala 'Likert' yang mempunyai 5 pilihan jawapan iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju dan Sangat Setuju.

3.2.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan dan kaedah analisis *Alpha Cronbach* digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Analisis terhadap 20 set soalan untuk kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang pelajar tingkatan 4 aliran vokasional dan 10 orang tingkatan 4 pelajar aliran kemahiran di Sekolah Menengah Vokasional Wakaf Tembesu, Terengganu. Sampel ini dipilih berdasarkan ciri yang sama dengan responden. Analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 16.0 telah diuat dan nilai pekali *Alpha Cronbach* yang diperoleh ialah 0.752 iaitu di tahap sederhana. Penambahbaikan telah dilakukan kepada soalan yang mempunyai nilai yang lemah dan diuji semula.

4.0 Keputusan

Hasil analisis dapatan keseluruhan kajian ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 1. Skor min, sisihan piawai dan tafsiran min ditunjukkan secara keseluruhan dalam Jadual 1 bagi menjawab persoalan kajian ini.

Jadual 1: Dapatan Keseluruhan Kajian

Bil.	Persoalan Kajian	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran min
1	Menentukan tahap kesedaran pelajar aliran vokasional di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional.	3.93	0.55	Tinggi
2	Menentukan tahap kesedaran pelajar aliran kemahiran di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional.	2.58	0.28	Rendah
3	Mengenal pasti faktor dominan yang dapat mempengaruhi tahap kesedaran dalam kalangan pelajar vokasional di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional a. Pelajar aliran vokasional (pendedahan oleh kaunselor) b. Pelajar aliran kemahiran (minat)	3.77 3.68	0.60 0.70	
4	Mengenal pasti hubungan antara faktor dominan dengan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institusi latihan vokasional . a. Pelajar aliran vokasional (pendedahan oleh kaunselor) b. Pelajar aliran kemahiran (minat)	0.61 0.13	- -	Sederhana dan signifikan (p=0.00) -Sangat Lemah dan tidak signifikan (p= 0.07)
5	Mengenal pasti perbezaan tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV antara pelajar aliran vokasional dan pelajar aliran kemahiran di SMV.	Aras Signifikan = 0.00 t(528)= 37.16	-	Terdapat perbezaan yang signifikan


Di dapati tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV bagi pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional adalah tinggi. Bagi pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran, tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV adalah rendah. Nilai skor min tahap kesedaran tersebut secara keseluruhan bagi pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional ialah 3.93 manakala bagi nilai skor min tahap kesedaran pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran di SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV pula ialah 2.58.

Bagi pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional, faktor dominan yang dapat mempengaruhi tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV ialah '*pendedahan oleh kaunselor*' di mana nilai skor min yang diperolehi adalah 3.77 namun, bagi pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran pula, faktor dominan yang dapat mempengaruhi tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ialah '*minat*' di mana nilai skor min yang diperolehi ialah 3.68.

Manakala hubungan antara faktor dominan dengan tahap kesedaran bagi pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV adalah sederhana dengan nilai pekali kolerasi yang diperolehi adalah 0.61 iaitu nilai tahap signifikan (*p*) adalah 0.00. Walaubagaimanapun, hubungan antara faktor dominan dengan tahap kesedaran bagi pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV tidak dapat

disimpulkan oleh pengkaji kerana meskipun terdapat hubungan yang sangat lemah iaitu dengan nilai pekali kolerasi yang diperolehi ialah 0.13 namun ia adalah tidak signifikan. Nilai tahap signifikan yang diperolehi adalah 0.07 iaitu lebih tinggi dari aras signifikan yang telah ditetapkan ($p=0.05$). Maka, hipotesis nul bagi hubungan antara tahap kesedaran dan faktor dominan untuk pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional ditolak manakala hipotesis nul bagi pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran bagi hubungan antara tahap kesedaran dan faktor dominan diterima.

Selain itu, didapati bahawa pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional ($M= 3.93$, $SD= 0.55$) mempunyai tahap kesedaran yang tinggi daripada pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran ($M= 2.58$, $SD= 0.28$) secara signifikan di mana $t(528)$ adalah 37.16. Nilai tahap signifikan (p) yang diperolehi adalah 0.00 iaitu lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan adalah 0.05. Oleh itu, hipotesis nul bagi perbezaan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar SMV terhadap peluang melanjutkan pengajian ditolak. Gambaran keseluruhan perbezaan boleh dilihat berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1 : Perbezaan Pengaruh kesedaran antara Pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional dan aliran kemahiran

5.0 Perbincangan

Hasil analisis data didapati bahawa tahap kesedaran pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV berada di tahap yang tinggi. Mereka lebih berminat untuk melanjutkan pengajian ke ILV daripada terus memilih untuk terus bekerja. Nuruldin (2011) menegaskan bahawa pelajar sedar tentang peningkatan kelayakan akademik yang diperolehi akan meletakkan diri mereka di tempat yang lebih baik. Seseorang yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi adalah sesuai dan lebih berkemampuan untuk

menikmati pendapatan dan produktiviti yang tinggi. Menurut Mohd Noor Ibrahim (1990), dalam ulasannya mengenai teori *Human Capital* yang bincangkan oleh Becker.

Tahap kesedaran pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran berada di tahap yang rendah dan didapati bahawa pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran lebih berminat untuk menamatkan sesi persekolahan dan latihan mereka dengan mencari pekerjaan (berkerja) berbanding untuk melanjutkan pelajaran ke ILV. Mereka sedar akan adanya peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi namun tidak berminat untuk memasuki institusi tersebut. Pimpa (2007) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar vokasional akan bekerja selepas tamat persekolahan kerana mereka perlu membantu keluarga.

Tanggapan pelajar-pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran hanya wujud institusi pengajian tinggi awam seperti politeknik dan kolej komuniti sahaja. Peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah sangat tipis. Amalan biasa di Malaysia, pusat pengajian tinggi hanya diberi kepada mereka yang mempunyai kelayakan akademik terpilih serta berdasarkan lokasi, program yang ditawarkan, reputasi pusat pengajian tersebut, kos dan lain-lain lagi (Ming, 2010).

Dalam kajian ini, faktor penting yang memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap kesedaran pelajar terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV diantaranya ialah minat pelajar, pencapaian akademik, sosioekonomi keluarga dan peranan kaunselor (Hossler & Gallagher, 1987).

Bagi pelajar Tingkatan 4 aliran vokasional faktor yang dominan mempengaruhi tahap kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke ILV ialah pendedahan yang dibuat oleh kaunselor, manakala pelajar aliran kemahiran ialah minat.

Terdapat hubungan yang signifikan terhadap faktor dominan dan tahap kesedaran bagi pelajar jurusan vokasional manakala hubungan yang lemah wujud dalam kalangan pelajar aliran kemahiran. Ini menunjukkan pengaruh kaunselor adalah amat penting dalam menentukan hala tuju pelajar dalam memilih kerjaya pelajar.

Perbezaan yang signifikan juga wujud terhadap tahap kesedaran bagi peluang melanjutkan pelajaran ke ILV antara pelajar dari kedua-dua aliran. Perbezaan menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran lebih cenderung untuk bekerja berbanding pelajar aliran vokasional yang masih mengharapkan peluang melanjutkan pengajian. Esa et al. (2009) dan Catherin et al. (2009) menegaskan bahawa pelajar vokasional (kemahiran) lepasan sekolah lebih berminat untuk bekerja berbanding dengan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Perbezaan tahap kesedaran dipengaruhi oleh tanggapan pelajar aliran kemahiran terhadap kurikulum di institusi latihan vokasional. Mereka beranggapan terlalu banyak teori yang perlu dipelajari berbanding kerja amali bahawa mereka perlu belajar secara teori di dalam kelas. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Bower (2006) menyatakan bahawa pelajar vokasional kurang berminat untuk melanjutkan pengajian ke ILV kerana mereka mendapati kurikulum di kolej lebih susah dan mementingkan akademik. Bagi mereka, mereka lebih senang sekiranya kurikulum di kolej atau ILV hanya menggunakan kemahiran bukannya teori. Justeru itu, penting bagi pihak-pihak seperti pihak sekolah dan kaunselor memberikan pendedahan yang secukupnya maklumat yang berkaitan kepada golongan pelajar dari kedua-

dua aliran tentang kewujudan institusi-institusi pengajian tinggi terutamanya ILV yang lebih mementingkan praktikal berbanding teori dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, perhatian yang diberikan kepada pelajar-pelajar aliran kemahiran kurang baik berbanding dengan pelajar-pelajar vokasional. Pelajar-pelajar aliran kemahiran seringkali dilabelkan pelajar-pelajar yang bermasalah berbanding dengan pelajar-pelajar vokasional. Guru-guru juga seringkali mengadu bahawa pelajar-pelajar ini kurang mendapat gred yang baik dalam subjek akademik namun dalam subjek-subjek kemahiran mereka memperoleh gred yang baik. Ini kerana bukan mereka malas namun mereka bosan dengan subjek akademik. Tambahan pula, layanan yang kurang baik yang diberikan oleh guru-guru dan masyarakat sekeliling menyebabkan mereka kurang berminat belajar dengan lebih serius apatah lagi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Jika dilihat daripada nilai skor min bagi tahap kesedaran pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran menunjukkan mereka lebih cenderung untuk membantu ibu bapa bagi menyara kehidupan mereka. Arum dan Shavit (1995) menyatakan bahawa pelajar-pelajar vokasional tidak melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi kerana bagi mereka kemahiran yang sedia ada akan membolehkan mereka mendapat pekerjaan berbanding dengan graduan yang memasuki universiti atau kolej, namun masih menganggur. Keadaan ini semakin buruk apabila sesetengah ibu bapa pelajar aliran kemahiran tidak mempunyai pengetahuan yang tepat mengenai institusi latihan vokasional. Mereka lebih cenderung sekiranya anak mereka memasuki institusi pengajian awam di mana ada sesetengah daripada mereka menganggap bahawa ILV merupakan institusi swasta yang pastinya akan menelan perbelanjaan yang agak tinggi.

Kurangnya pengetahuan mengenai ILV dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 aliran kemahiran menyebabkan mereka kurang sedar akan wujudnya bantuan kewangan semasa mengikuti latihan di ILV. Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh kaunselor terhadap pelajar aliran kemahiran tidak memuaskan di mana di antara mereka berpendapat bahawa kaunselor tidak memberikan pendedahan yang secukupnya terutamanya bagi peluang melanjutkan pelajaran ke ILV. Kaunselor seharusnya memainkan peranan penting dalam mendedahkan maklumat bidang kerjaya yang berkaitan atau pilihan institusi yang bersesuaian dengan minat mereka (Kasa & Bakar, 2004).

Kekurangan promosi yang dilakukan oleh pihak ILV sama ada di media cetak mahupun media elektronik menyebabkan pelajar kurang mendapat pendedahan tentang maklumat yang berkaitan. Kesan dari itu enrolmen pelajar ke ILV agak rendah berbanding dengan institusi pengajian tinggi awam atau swasta yang lain. Promosi yang dijalankan melalui kempen-kempen boleh membantu ILV menangkis segala persepsi buruk yang seringkali dibelenggu oleh ILV. Di Thailand, ILV sering kali dianggap pusat pengajian kelas kedua Tilak (2002). Manakala di Malaysia, keadaan masih sama malahan lebih mengecewakan keadaan apabila orang awam lebih mengutamakan institusi pengajian tinggi awam. Tambahan pula terdapat sesetengah pihak beranggapan bahawa ILV merupakan institusi swasta dan memerlukan pembiayaan yang banyak sekiranya anak mereka ingin melanjutkan pengajian di institusi tersebut. Tanggapan bahawa peluang pekerjaan agak sukar sekiranya memasuki ILV berkenaan menjadi penghalang kepada ibubapa untuk membenarkan anak mereka meneruskan pengajian di ILV.

5.1 Kesimpulan

Hasil perbincangan dan penilaian analisis kajian yang telah dilakukan, didapati pelajar tingkatan 4 aliran vokasional mempunyai pandangan yang positif terhadap masa depan mereka untuk menyambung pelajaran di ILV atau mana-mana pusat pengajian tinggi manakala pelajar dari aliran kemahiran melihat peluang mereka melanjutkan pelajaran adalah sangat nipis dan mengambil keputusan untuk menceburi bidang pekerjaan selepas tamat latihan. Peranan kaunselor dan ibubapa merupakan faktor penting dalam menentukan kerjaya pelajar disamping kemampuan pelajar dari aspek sosioekonomi mereka. Tanpa pendedahan maklumat dan promosi yang berkesan dari pihak ILV agak sukar bagi pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam memilih laluan kerjaya mereka.

Rujukan

- Aminah, A. (2007). Pencapaian Pelajar Bumiputera Pulau Pinang. *Konvensyen Pendidikan Umno Pulau Pinang, di Dewan Milenium, Butterworth pada 6 Januari 2007*. Kajian Ilmiah tidak diterbitkan.
- Arum, R.& Shavit, Y. (1995). Secondary Vocational Education and the Transition from School to Work. *Sociology of Education, Vol. 68 (July): 187-204*.
- Bowers, H (2006). Curriculum design in vocational education. *Australian Association for Research in Education 2006 Conference. 26 to 30 November 2006, Adelaide*.
- Catherine, B.&Raj, S.(2009). A Qualitative Study of TAFE Students Exiting from TAFE Programs. *AAIR Journal Volume 14(2)*.
- Esa, A., Razzaq, A.R.A, Masek, A & A, Selamat, A. (2009). The Perception of Students towards the Community Colleges' Courses That Offered in Malaysia. *Asian Social Science Journal, 5(7), 98-107*.
- Hossler, D. & Gallagher, K. (1987). Studying student college choice: A three-phase model and the implications for policy makers. *College and University Journal. 62(3), 207-221*.
- Kasa, Z & Bakar, A.R (2004). Aspirasi Pekerjaan Pelajar Kejuruteraan Sekolah Menengah Teknik. *Pertanika Social Science & Humanity Journal. 12(1), 53-59*.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W.(1970) "Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610*.
- Ming, J.S.K (2010). Institutional Factors Influencing Students' College Choice Decision in Malaysia: A Conceptual Framework. *International Journal of Business and Social Science 1(3), 53-58*.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nuruldin, M.A (2011). *Faktor-faktor yang Mendorong Pelajar-pelajar JPTK Tahun Satu UTM Memilih Melanjutkan Pelajaran Dalam Bidang Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Ijazah Muda.

- Pimpa, N. (2007). Reference groups and choices of vocational education: Case of Thailand. *AARE 2007 International Education Research Conference Research Impacts: Proving or Improving?* Fremantle, Western Australia University of Notre Dame Australia 25-29 November 2007.
- Tilak, J. (2002). *Vocational Education and Training and Asia: The Handbook on Educational Research in the Asia Pacific Region* eds. John P Keeves and Rye . Watanabe: Kluwer Academic Publishers.
- Yahaya, A. et al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn Bhd.
- Zuraidah, MZ (2008). *TVET in Malaysia*. Universiti Malaysia Perlis. Kajian Ilmiah